

## BAB 2

### LANDASAN TEORI

#### A. IBADAH DALAM ISLAM

##### 2.1 Pengenalan

Tuntutan beribadah merupakan misi asas penciptaan manusia. Perkara ini jelas dinyatakan melalui firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ  


Surah al-Dhariyat(27): 56

Maksudnya: “*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku*”<sup>1</sup>

Berdasarkan tuntutan ini, maka seluruh sistem kehidupan manusia itu adalah berpaksi kepada nilai pengabdian tersebut. Dengan itu setiap manusia khasnya muslim adalah bertanggungjawab kepada Allah SWT atas seluruh perbuatannya.<sup>2</sup> Menurut Hamka, tuntutan beribadah akan mudah dilaksanakan seandainya manusia menerima hakikat ini dengan penuh keinsafan dan kesedaran.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1411.

<sup>2</sup> Idris Zakaria (1991), “Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Kehidupan”, dalam Ismail Abdul Rahman *et al.* (ed.), *Islam: Cabaran dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 168.

<sup>3</sup> Hamka (1990), *Tafsir al-Azhar*, jil.9. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., h. 6927.

Ibadah dalam Islam mempunyai ruang lingkup yang amat luas, meliputi semua tindakan dan aktiviti manusia yang bermatlamat ke arah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.<sup>4</sup> Memandangkan tuntutan beribadah ini adalah berterusan hingga ke akhir hayat seseorang manusia,<sup>5</sup> maka perintah ini hendaklah dilaksanakan dengan perasaan penuh sedar, kasih dan cinta kepada Allah, kerana hanya Allah sahaja yang patut dikasihi dan dicintai. Perasaan cinta ini penting kerana daripadanya akan melahirkan perasaan ikhlas untuk beribadah. Menurut Ibnu Taimiyyah seperti yang dipetik dari Dr Yusuf al-Qardawi<sup>6</sup> tanpa perasaan ini, tujuan ibadah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT sudah pasti sukar untuk terhasil.

## 2.2 Tujuan Beribadah

Penciptaan manusia di alam ini bukan sekadar untuk mendiami bumi semata-mata. Bahkan mempunyai tanggungjawab tertentu, iaitu mengabdikan diri atau beribadah kepada-Nya. Oleh itu sama ada ibadah itu berbentuk umum atau pun khusus, ia tetap mempunyai tujuannya yang tertentu. Antaranya ialah:

- i. Sebagai tanda bersyukur dan berterima kasih atas segala nikmat kurniaan Allah.<sup>7</sup>

Nikmat Allah SWT kepada manusia di muka bumi ini tidak terhitung banyaknya.

---

<sup>4</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *al-'Ibadah fi al-Islam*, cet. 24. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 50-51.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 22.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 33-34.

<sup>7</sup> Hamka (1990), *op.cit.*, h. 6927.

Sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ تَعْدُوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ  
١٨

Surah al-Nahl (14): 18

Maksudnya: “*Dan jika kamu menghitung-hitung nikmat Allah (yang dilimpahkan kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani*”<sup>8</sup>

Oleh yang demikian melalui ibadah, seseorang hamba itu dapat melahirkan tanda kesyukuran kepada pemberi nikmat tersebut.

Menurut Mustafa Hj Daud,<sup>9</sup> jika seorang anak yang telah dijaga dan diasuh oleh ibu bapanya dengan penuh kasih sayang dan diberi pendidikan yang sempurna, apabila ia dewasa dan telah berjaya dalam hidup, wajar berbakti kepada kedua ibu bapanya sebagai mengenang jasa mereka, apatah lagi manusia yang telah dijadikan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang paling sempurna, maka adalah lebih wajar beribadah kepada Allah sebagai tanda kesyukuran dan terima kasih itu. Menurut Hamka<sup>10</sup> tidak ada mana-mana kelompok masyarakat yang menafikan ketinggian budi pekerti orang yang tahu berterima kasih.

---

<sup>8</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 634.

<sup>9</sup> Mustafa Hj Daud (1995), *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101.

<sup>10</sup> Hamka (1990), *op.cit.*, h. 6927.

ii. Beribadah adalah bertepatan dengan fitrah kejadian manusia yang telah membuat perjanjian di alam ruh iaitu hanya akan menyembah Allah yang Satu.<sup>11</sup> Peristiwa ini jelas dirakam dalam firman Allah:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتُهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ  
عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Surah al- A'raf (9): 172

Maksudnya: “Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sediri, (sambil Ia bertanya dengan firman-Nya): “Bukankah Aku Tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid)”<sup>12</sup>

Ayat tersebut menjadi bukti yang kukuh bahawa beribadah merupakan sifat semulajadi yang ada dalam jiwa manusia. Oleh yang demikian, manusia yang ingkar dan tidak melaksanakan tuntutan ini adalah menyalahi fitrah semulajadinya. Dengan itu sama ada rela atau terpaksa manusia perlu menerima hakikat ini. Firman Allah:

وَلَلَّهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا

Surah al- Ra‘d (13): 15

<sup>11</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *op.cit.*, h. 21.

<sup>12</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 390.

Maksudnya: “Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa”<sup>13</sup>

Oleh sebab itu menurut Hamka, cara terbaik bagi manusia ialah dengan menerima dan mengakui tujuan penciptaan supaya akhirnya perasaan susah dan berat untuk mengabdikan diri kepada Allah itu akan berubah menjadi ringan dan mudah.<sup>14</sup>

iii. Sebagai menunaikan hak Allah. Iaitu agar manusia tahu dirinya lemah, tidak ada daya dan pertolongan melainkan bantuan daripada Tuhan mereka serta tidak boleh bergantung melainkan kepada Allah.<sup>15</sup>

Dalam hal ini, Rasulullah telah menjelaskan bahawa melakukan ibadah merupakan hak Allah yang wajib dilaksanakan dengan sewajarnya sebagaimana dirakam dalam sebuah hadith dari Mu‘adh Ibn Jabal:<sup>16</sup>

كُنْتُ رَدِفَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَىٰ حِمَارٍ فَقَالَ: يَا مُعَاذًا! أَتَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ؟ قَالَ قَلْتُ: إِنَّمَا وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: إِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا. وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُعَذَّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا.

Maksudnya: “Ketika aku dan Rasulullah SAW menunggang keldai, Baginda SAW telah bertanya: Adakah kamu tahu hak Allah ke atas hamba-Nya dan apa hak hamba ke atas Allah?

<sup>13</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1990), *op.cit.*, h. 581.

<sup>14</sup> Hamka (1990), *op.cit.*, h. 6927.

<sup>15</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *op.cit.*, h. 107.

<sup>16</sup> Abi al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj (1978), *Sahih Muslim*, “Kitab al-Iman”, no hadith 49. j. 1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 58.

*Aku menjawab: Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui. Lalu Baginda SAW pun menjawab: Hak Allah ke atas hamba ialah beribadah menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu. Dan hak hamba ke atas Allah ialah tidak mengazab orang yang tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu”*

Demikianlah antara tujuan-tujuan yang menjadi sebab kepada kewajipan beribadah kepada Allah. Di mana ianya adalah berlandaskan kepada sifat taat, patuh, menyerah diri dan pengakuan terhadap kekuasaan , kebesaran dan keagungan Allah SWT dan yang paling penting, beribadah itu pada hakikatnya merupakan tabiat semulajadi yang ada dalam jiwa manusia. Oleh itu sama ada rela atau terpaksa manusia harus menerima hakikat tersebut.

### **2.3 Kepentingan Penghayatan Dalam Ibadah**

Penghayatan merupakan unsur penting dalam melaksanakan ajaran Islam. Menurut Hassan Langgulung,<sup>17</sup> penghayatan adalah satu bentuk proses pembelajaran di mana manusia atau perkara-perkara tertentu menjadi perangsang bagi seseorang untuk mengamalkan atau menghayati nilai-nilai tertentu dan perbuatan tersebut mendapat ganjaran dari dalam perbuatan itu sendiri. Penghayatan juga merupakan sesuatu yang diusahakan sejak kecil menerusi pendidikan yang menimbulkan kepatuhan, kekaguman dan akhirnya membawa kepada penghayatan.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> Hassan Langgulung (1987), “Penghayatan Nillai-Nilai Islam Di Tinjau Dari Proses Pembelajaran Dalam Konteks Pendidikan Masa Kini”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil. 5, September 1987, h. 25.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 26.

Dengan adanya penghayatan sesuatu amalan itu akan berterusan dilakukan. Malah jika ditinggalkan kebiasaan tersebut, ia akan menimbulkan perasaan bimbang dan resah. Dengan lain perkataan apabila unsur penghayatan ini telah wujud dalam diri seseorang, maka sesuatu amalan yang dilakukan itu tidak sekadar mengikut musim atau disebabkan tekanan daripada pihak tertentu tetapi adalah lahir daripada kesedaran individu berkenaan. Ini kerana penghayatan merupakan amalan yang lahir daripada hati dan jiwa.<sup>19</sup>

Dalam ibadah, penghayatan dalam mengamalkannya akan melahirkan kesan yang sangat besar dan mendalam kepada pelakunya. Oleh itu penghayatan dalam ibadah sangat penting kepada setiap individu muslim tanpa mengira kedudukan mereka. Antara kepentingannya ialah:

- i. Dapat melahirkan kemanisan iman dan keikhlasan dalam beribadah.<sup>20</sup>

Muslim yang menghayati ibadahnya akan merasai kemanisan dan kenikmatan beribadah serta keikhlasan melakukannya. Malah akan merasa rugi yang amat sangat jika meninggalkannya. Justeru, perasaan seumpama inilah yang seharusnya diwujudkan dalam kalangan pelajar agar hasrat melahirkan pelajar yang istiqamah terhadap Islam dapat dicapai.

---

<sup>19</sup> Hassan Langgulung (1987), *op.cit.*, h. 28.

<sup>20</sup> Shaykh al-Mubarak (t.t), *Sistem Islam: Akidah dan Ibadah*. Ismail Mohd Hassan (terj.). Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 350.

- ii. Dapat menghindarkan diri dari terlibat dengan perkara-perkara keji (*fahsha*) dan munkar.

Ibadah-ibadah khusus harian yang fardu mahu pun yang sunat seperti solat, puasa, dan zikir jika dilakukan dengan sempurna dan penuh keikhlasan, seharusnya akan dapat menjadi benteng kepada pelakunya daripada keinginan dan pengaruh untuk melakukan sesuatu perbuatan yang tergolong dalam perbuatan yang *fahsha*’ dan munkar. Contohnya daripada ibadah solat, Allah SWT telah menjelaskan dalam firman-Nya:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Surah al- ‘Ankabut (21): 45

Maksudnya: “Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar”<sup>21</sup>

Ayat di atas merupakan satu jaminan daripada Allah SWT bahawa melalui solat lima waktu yang dilakukan dengan sempurna, ia mampu menjadi penghalang kepada seseorang daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji seperti berzina, merompak dan menipu. Ini kerana ibadah solat yang dilakukannya itu menjadikan dirinya sentiasa mengingati dan berhubungan dengan Allah SWT.<sup>22</sup> Oleh yang demikian adalah sukar unsur-unsur yang tidak baik dapat mempengaruhinya.

---

<sup>21</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1044.

<sup>22</sup> Hamka (1987), *Tafsir al-Azhar*, juz. 21. *op.cit.*, h. 5441.

Begitu juga ibadah puasa, antara nas yang menunjukkan ibadah ini juga mampu menghalang pelakunya dari melakukan perkara yang membawa kepada dosa ialah sabda Rasulullah SAW:<sup>23</sup>

إِذَا أَصْبَحَ أَحَدُكُمْ يَوْمًا صَائِمًا، فَلَا يَرْفُثْ وَلَا يَجْهَلْ

Maksudnya: “Apabila seseorang itu berpuasa maka janganlah dia bercakap kotor dan melakukan perbuatan orang jahil”

Ibadah puasa juga dijadikan alat untuk mengelakkan perzinaan dan perkara-perkara yang sehubungan dengannya. Sabda Rasulullah SAW:<sup>24</sup>

مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَالْيَتَزَوَّجْ  
فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرَاجِ  
وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ  
فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءُ

Maksudnya: “Sesiapa yang mampu baginya ba’ah (kemampuan berkahwin), hendaklah ia berkahwin. Sesungguhnya berkahwin itu lebih menjaga mata dan lebih memelihara faraj dan sesiapa yang tidak berkemampuan, hendaklah dia berpuasa. Sesungguhnya puasa itu dapat meredakan shahwat (keinginan)”

Perihal pentingnya penghayatan dalam ibadah sebagai benteng dari terjerumus dalam perbuatan keji dan munkar juga telah dibuktikan oleh kajian-kajian semasa.

<sup>23</sup> Abi al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj (1978), *op.cit.*, “Kitab al-Siyam”, no hadith 160. juz. 2, h. 806.

<sup>24</sup> Abi Dawud Sulayman (1988), *Sunan Abi Dawud*, “Kitab al-Nikah”, no. hadith 2046, j.2, Beirut: Dar al-Jayl, h. 226.

Antaranya kajian Amran Kasimin<sup>25</sup> berkaitan *Kes-Kes Jenayah Agama*<sup>26</sup> yang dibicarakan di Mahkamah Shariah di enam daerah di negeri Johor. Kajian berdasarkan dokumentasi dan tinjauan itu mendapati punca utama terlibat dengan kesalahan jenayah agama ini adalah disebabkan tidak mempunyai didikan agama dan bagi mereka yang ada didikan, tidak pula mengamal dan menghayatinya. Sedangkan didikan agama dan penghayatannya terbukti penting untuk membentuk individu dan masyarakat yang baik. Tanpanya manusia akan mudah terjebak dalam kebinasaan dan hanyut tanpa pegangan hidup.

Dapatan kajian di atas juga menyamai dapatan daripada kajian mengenai *Kelakuan Seks Bebas Di Kalangan Remaja Melayu*<sup>27</sup> oleh Siti Aliah Ismail. Kajian yang menggunakan instrumen soal selidik ke atas 115 remaja Melayu yang berpeleseran di tempat-tempat hiburan dan kompleks membeli belah di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang, mendapati tidak ada didikan agama dan penghayatannya (termasuk di dalamnya ibadah) telah menjadi punca pembabitan remaja Melayu dalam aktiviti seks bebas. Seramai 63 orang responden beranggapan peraturan agama mengongkong hidup mereka. Kesan daripada tanggapan ini telah menjadikan para remaja tersebut tidak mengambil berat tuntutan agama khususnya yang berkaitan dengan ibadah seperti kewajipan solat. Malah juga yang berkaitan

---

<sup>25</sup> Amran Kasimin (1993), *Masalah Sosial dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: DINIE Publishers, h. 5 dan h. 128.

<sup>26</sup> Contoh jenayah agama ialah minum minuman yang memabukkan, menjual atau membeli makanan atau minuman dalam bulan Ramadan, berkhawat, persetubuhan haram, bersekedudukan, pelacuran dan kesalahan muncikari, *Ibid*, h. 5.

<sup>27</sup> Idris Awang (1996), “*Kelakuan Seks Bebas Di Kalangan Remaja Melayu*”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5, Disember 1996, h. 183.

dengan akhlak seperti menjaga batas-batas pergaulan yang mana akhirnya mengakibatkan mereka terjerumus dalam perbuatan keji dan munkar itu.

iii. Dapat membersihkan jiwa (*tazkiyyat al-nafs*) daripada sifat-sifat yang keji.<sup>28</sup>

Penghayatan dalam ibadah dapat membantu seseorang muslim itu untuk mencapai *tazkiyyat al-nafs*. Usaha ke arah pemurnian jiwa merupakan usaha yang dipuji oleh Allah SWT. Firman Allah:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّنَهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّنَهَا

Surah al-Shams (30): 9-10

Maksudnya: “Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)”<sup>29</sup>

Ayat di atas menjelaskan bahawa orang yang berusaha membersihkan jiwa dengan sifat-sifat terpuji akan mendapat kejayaan iaitu keberkatan dan keredaan Allah. Sedangkan bagi mereka yang membiarkan jiwanya dipenuhi dengan sifat-sifat yang keji adalah sebaliknya iaitu akan jauh daripada rahmat dan keredaan Allah. Justeru itu sebagai orang beriman seharusnya berusaha untuk membersihkan diri zahir dan batin serta jangan mengotorinya dengan sifat dan perbuatan yang keji. Ini

<sup>28</sup> Shaykh al-Mubarak (t.t), *op.cit.*, h. 350.

<sup>29</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1687.

kerana kekotoran yang ada dalam diri jika dibiarkan akan membuka ruang kepada berbagai kejahatan yang lebih besar.<sup>30</sup>

Dalam hal ini menurut Hassan Langgulung, ibadah khusus sama ada yang fardu atau sunat seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, zikir, muhasabah dan membaca al-Quran sekiranya dilakukan dengan cara dan kaifiyat yang betul, dapat membantu mencapai *tazkiyyat al-nafs* ini. Akhirnya apa yang lahir ialah individu muslim yang memiliki hati (*qalb*) bersifat tauhid, ikhlas, sabar, syukur serta sangat mencintai Allah SWT dan sebaliknya akan terhindar dari memiliki sifat-sifat tercela seperti riya', sompong, pemarah dan dengki. Seterusnya akan melahirkan individu yang berjiwa bersih dan suci yang mana akan terlihat pada perbuatan lahiriahnya yang berkait dengan perintah-perintah Allah, juga pada hubungannya dengan orang lain seperti keluarga dan masyarakat.<sup>31</sup>

Bagi pelajar, membersihkan hati dari dicemari dengan sifat-sifat keji seperti '*ujub*, takabbur dan hasad dapat memudahkan lagi proses pembelajaran dan seterusnya mampu untuk mengamalkan dan menghayati sesuatu ilmu itu. Ini kerana tanpa kesepadan akal dan hati, sesuatu ilmu hanya akan tersekat di akal tanpa menyerap masuk ke dalam hati dan tidak mampu melahirkan tindakan-tindakan yang selari dengan ilmu.<sup>32</sup>

---

<sup>30</sup> Hamka (1988), *Tafsir al-Azhar*, juz. 30, *op.cit*., h. 8020.

<sup>31</sup> Hassan Langgulung (1987), *op.cit.*, h. 28-29.

<sup>32</sup> Muhammad Shukri Salleh (2001), “Beberapa Aspek Kesepadan Ilmu Dalam Islam” (Kertas Kerja Seminar Warisan al-Quran Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur, 24-25 Oktober 2001), h. 48.

iv. Dapat melahirkan muslim yang menjadikan shariat Islam sebagai satu cara hidup.<sup>33</sup>

Dengan menghayati ibadah seseorang muslim akan sedar bahawa setiap laku perbuatannya mempunyai nilai di sisi Allah, yang akan memperolehi balasan yang setimpal di akhirat. Nilai tersebut ada hubungannya dengan ibadah.<sup>34</sup> Firman Allah:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ،  


وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ،  


Surah al- Zalzalah (30): 7-8

Maksudnya: “*Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya). Dan sesiapa berbuat kejahanan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)*”<sup>35</sup>

Oleh yang demikian muslim yang mempunyai kesedaran ini, sudah tentu akan mempastikan setiap gerak lakunya sentiasa dalam landasan beribadah, dengan menepati kehendak syariat.

Sebagai contoh, seorang pemimpin yang menyedari jawatan pemimpin merupakan satu tanggungjawab yang besar, akan berusaha melaksanakan

<sup>33</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *op.cit.*, h. 66.

<sup>34</sup> Idris Zakaria (1991), *op.cit.*, h. 176.

<sup>35</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1714.

tanggungjawab tersebut dengan sebaik mungkin berlandaskan syariat Islam.<sup>36</sup>

Sekiranya seorang pekerja pula, dia akan sentiasa menjaga kedudukannya sebagai seorang pekerja yang bertanggungjawab ke atas ketua atau majikannya. Begitu juga jika seorang peniaga, dia akan melaksanakan tanggungjawab membantu masyarakat memenuhi keperluan mereka dengan sebaik-baiknya. Seterusnya jika seorang pelajar, dia akan tahu tanggungjawabnya sebagai seorang penuntut ilmu.

Kesan daripada kesedaran dan penghayatan ini, maka masalah-masalah sosial dalam masyarakat seperti rasuah, curi tulang, curi harta syarikat atau jual rahsia syarikat dapat dihindarkan. Bagi golongan pelajar pula, tidak akan berlaku kes-kes seperti ponteng, meniru dalam peperiksaan, membuli rakan, bergaduh, melawan guru dan pergaulan bebas. Malah sebaliknya dapat melahirkan pelajar yang penuh dengan sifat-sifat *mahmudah* seperti bersyukur, amanah, ikhlas, berbuat baik sesama makhluk, sentiasa berdoa, menunaikan solat fardu dan sunat, menentang amalan-amalan mungkar dan rajin.<sup>37</sup>

v. Dapat melahirkan individu dan seterusnya masyarakat yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Muslim yang menghayati ibadahnya sudah pasti menyedari sepenuhnya tanggungjawab sebagai seorang hamba dan khalifah Allah di alam ini. Oleh itu sudah

<sup>36</sup> Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid (1999), “Penghayatan Islam Asas Kecemerlangan Kepimpinan” (Kertas Kerja Konvensyen Penghayatan Kepimpinan Islam Peringkat Kebangsaan di Universiti Malaya, 11-14 April 1999), h. 6.

<sup>37</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), “Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadan”, dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.), *Pendidikan Islam: Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 110.

semestinya tanggungjawab berkenaan akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk menjamin kebahagiaan dan kecemerlangan di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا إِلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ

وَقَنَا عَذَابًا أَنَّارٍ

Surah al-Baqarah (2): 201

Maksudnya: “Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka”<sup>38</sup>

Golongan ini tidak akan memisahkan antara urusan dunia dan urusan akhirat. Mereka sentiasa menghayati tuntutan yang dikehendaki dalam firman Allah:

وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَنَاكَ اللَّهُ أَلَّدَارِ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسِكْ نَصِيبَكَ

مِنِ الدُّنْيَا

Surah al-Qasas (20): 77

Maksudnya: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia”<sup>39</sup>

Ayat ini menjadi bukti bahawa Islam sama sekali tidak melarang umatnya mencari dan memiliki harta di dunia. Malah harta dunia merupakan sebahagian nikmat kurniaan Allah kepada hamba-Nya, yang jika diurus dan dimanfaatkan

<sup>38</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 77.

<sup>39</sup> *Ibid*, h. 1024.

dengan betul serta menepati kehendak agama, manusia akan dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah-Nya di alam ini. Kebahagiaan dan kejayaan ketika di dunia itulah yang akan membawa kepada keadaan yang sama di akhirat.<sup>40</sup>

Menurut Dr Ismail Ibrahim,<sup>41</sup> ibadah dalam Islam seharusnya mendorong umat Islam menjadi manusia yang maju dan berdisiplin. Ini kerana ibadah dalam Islam merangkumi gabungan pekerjaan hati dan badani, rohani dan jasmani. Sesuatu yang dilakukan dengan dorongan hati dan jasmani sepatutnya akan lebih berjaya dari sesuatu yang dilakukan kerana dorongan luaran semata-mata. Dorongan hati dan kerohanian sepatutnya menghasilkan kerja yang lebih bermutu dan bernilai, ditambah dengan sipelakunya percaya bahawa kerjanya itu akan diberi ganjaran oleh Allah SWT.

## **2.4 Cara Melahirkan Penghayatan Dalam Ibadah**

Penghayatan dalam ibadah dapat diwujudkan melalui beberapa cara. Iaitu:

### **2.4.1 Melalui Pendidikan.**

Mendidik anak-anak merupakan tanggungjawab dan amanah daripada Allah kepada ibu bapa. Oleh kerana anak-anak umpama kain putih, maka ia

---

<sup>40</sup> Sayyid Qutub (1982), *Fi Zilal al-Qur'an*, jil.5, juz. 19-20. Beirut: Dar al-Shuruq, h. 2711.

<sup>41</sup> Ismail Ibrahim (1996), "Ibadat Dan Kekuatan Rohani", dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (ed.), *Membangun Fitrah Kehidupan*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 44.

seharusnya diwarnakan dengan warna yang disukai Allah. Dengan lain perkataan ibu bapa harus mendidik anak-anak mereka berdasarkan Pendidikan Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.<sup>42</sup> Sehubungan itu mendidik anak-anak tentang perlaksanaan ibadah sejak anak-anak masih kecil juga termasuk dalam tanggungjawab ini.<sup>43</sup>

Ibadah-ibadah asas hendaklah diajarkan kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi supaya anak-anak dapat melazimi dan membiasakan diri dengan ibadah tertentu khususnya ibadah solat. Dalam hal ini Rasulullah SAW sendiri telah menegaskan dalam sabdanya:<sup>44</sup>

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعَ سِنِينَ،  
وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشَرَ، وَفَرِقُوا  
بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: “Ajarlah anak-anak kamu bersembahyang pada usia tujuh tahun dan boleh pukul mereka pada usia sepuluh tahun (sekiranya berdegil tidak mahu sembahyang) dan asingkanlah tempat tidur mereka”

Proses pembelajaran untuk menerapkan ibadah solat pada jiwa seseorang memerlukan masa yang panjang. Untuk menghayati ibadah solat, ia perlu tahap-tahap pembelajaran yang lama, merangkumi perlakuan, pengetahuan dan kesedaran.

<sup>42</sup> Saedah Siraj (2003), *Pendidikan Anak-Anak*. Sungai Buloh: Alam Pintar Enterprise, h. 7-8.

<sup>43</sup> Abdullah Fahim *et al.* (1995), *Rumahku Syurgaku*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, h. 10.

<sup>44</sup> Abi Dawud Sulayman (1988), *op.cit.*, no hadith 495, j. 1., h. 130.

Setelah semua peringkat pembelajaran difahami barulah solat itu dapat menjadi sebatی dalam kehidupan seseorang.<sup>45</sup>

Hikmah anak-anak didedahkan dengan suruhan agama sejak meningkat umur *mumayyiz* adalah supaya mereka mengenali hukum-hukum peribadatan sejak daripada kecil lagi dan dapat membiasakan diri membesar dalam ketaatan kepada Allah.<sup>46</sup> Di samping ibadah solat, menjadi tanggungjawab ibu bapa juga untuk mendidik dan membimbing anak-anak di peringkat usia ini dengan ibadah wajib yang lain seperti puasa dan solat Jumaat (bagi anak lelaki). Serta ibadah-ibadah sunat seperti wirid-wirid *ma'thurat* selepas sembahyang dan juga membaca al-Quran.<sup>47</sup>

Dalam proses mendidik anak-anak membiasakan diri melakukan ibadah, ibu bapa seharusnya menggunakan pendekatan secara bijaksana, agar anak tidak menganggap perintah agama itu sesuatu yang sukar dan membebankan. Contohnya dalam ibadah puasa, ibu bapa hendaklah mendidik anak mengikut kadar kemampuan anak tersebut. Sehingga akhirnya sampai ke peringkat anak mampu berpuasa penuh dalam sebulan, memahami kepentingan puasa dan kedudukan ibadah tersebut kepada umat Islam.<sup>48</sup> Menurut Hassan Langgulung,<sup>49</sup> oleh kerana penghayatan nilai memerlukan masa yang lama, ia perlu dipupuk sejak daripada kecil dan dalam hal ini ibu bapa memainkan peranan penting untuk mewujudkan asas yang kukuh.

<sup>45</sup> Amran Kasimin (1992), *Bagaimana Mencegah Kejahatan Melalui Sembahyang*. Kuala Lumpur: DINIE Publishers, h. 1-2.

<sup>46</sup> 'Abd Allah Nasih 'Ulwan (1989), *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.), jil. 1, cet. 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 179.

<sup>47</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1991), *op.cit.*, h. 40.

<sup>48</sup> 'Abd Allah Nasih 'Ulwan (1989), *op.cit.*, Jil. 1, h. 40.

<sup>49</sup> Hassan Langgulung (1991), *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 399.

#### 2.4.2 Melalui *Role Model*.

Menurut ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan,<sup>50</sup> contoh tauladan merupakan antara cara-cara yang berkesan untuk mendidik anak-anak. Individu yang menjadi contoh tauladan atau *role model* itu dapat menentukan sifat anak didik yang bagaimana dapat dilahirkan. Sekiranya *role model* itu seorang yang baik budi pekertinya, maka itulah sifat yang akan dimiliki oleh anak didiknya. Tetapi jika sebaliknya, sifat negatiflah yang akan ditiru oleh anak didiknya.

Kebiasaannya, individu yang menjadi contoh tauladan kepada anak-anak ialah orang yang paling dekat dan rapat dengan mereka seperti ibu bapa atau kaum keluarga lain yang tinggal bersama dan juga guru. ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan menyarankan kepada ketua keluarga agar dapat menjadi contoh dalam perkara berkenaan ibadah. Sebagai contoh, untuk menggalakkan ahli keluarga mengamalkan solat dan puasa sunat, ketua keluargalah yang seharusnya rajin mengamalkan kedu-dua ibadah tersebut.<sup>51</sup>

#### 2.4.3 Persekutaran.

Keadaan persekitaran juga berperanan membantu untuk mewujudkan amalan dan penghayatan dalam ibadah. Sebagai contoh, anah-anak yang lahir dalam

---

<sup>50</sup> ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1989), *op.cit.*, jil. 2, h. 140.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 402.

persekitaran keluarga yang mengambil berat kewajipan solat, secara tidak langsung akan mendidik diri anak tersebut untuk melazimi amalan tersebut dalam hidupnya.

Kanak-kanak juga cepat mempelajari melalui pemerhatian alam sekeliling. Pada awalnya mereka akan cuba meniru segala perlakuan orang lain. Dengan adanya sifat ingin mencuba yang tinggi menyebabkan mereka mengulangi perkara yang disukainya. Akhirnya perkara yang diulang-ulang ini akan menjadi tabiat dalam diri mereka.<sup>52</sup>

Psikologis Barat turut mengakui keadaan persekitaran dapat mempengaruhi dalaman dan fizikal manusia. Antaranya:<sup>53</sup>

- i. Lundberg (1995) dan Tanner (1990) mengakui keadaan persekitaran mempengaruhi psikologi manusia.
- ii. Cloninger *et al.* (1982, 1978) yang mengkaji anak-anak angkat lelaki dan perempuan di Sweden mendapati, 40% anak-anak angkat terlibat dengan jenayah sekiranya kedua-dua ibu bapa angkat mereka adalah penjenayah.

Rumah di anggap tempat paling baik untuk mendidik dan membangunkan potensi anak-anak. Berkaitan penghayatan ibadah, persekitaran rumah juga dapat memainkan peranan penting untuk melahirkan anak yang ‘*abid*’. Oleh yang demikian antara pendidikan , contoh tauladan dan persekitaran tidak boleh dipisahkan kerana ia saling berkait rapat dan mempunyai timbal balik masing-masing.

<sup>52</sup> al-Shaykh Ahmad al-Qattan (t.t), *Tugas Ibu Bapa – Guru Terhadap Anak-Anak Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Ahmad Najib Abdullah al-Qari (terj.). Kota Bharu: Penerbitan ASA, h. 28.

<sup>53</sup> Saedah Siraj (2003), *op.cit.*, h. 232.

Di samping persekitaran rumah, persekitaran sekolah yang sesuai juga mempunyai peranan mewujudkan amalan penghayatan ibadah dalam kalangan anak-anak atau para pelajar. Oleh itu guru-guru Pendidikan Islam seharusnya tidak hanya bergantung kepada apa yang ditentukan dalam sukan pelajaran semata-mata. Tetapi ia boleh disepadukan atau digabungjalinkan dengan aktiviti ko kurikulum seperti program qiyamullail, khemah ibadah dan pertandingan-pertandingan sempena Minggu Pendidikan Islam atau lain-lain aktiviti yang sesuai. Dengan penglibatan murid yang berterusan melalui aktiviti-aktiviti ko kurikulum tersebut, ianya dapat mengukuhkan amalan dan penghayatan ibadah khasnya dan Islam amnya yang berterusan di kalangan pelajar.<sup>54</sup>

Selain aktiviti ko kurikulum, mewujudkan iklim *dini* di sekolah juga boleh membantu mengukuhkan amalan dan penghayatan ibadah pelajar. Contohnya agar murid rajin sembahyang, guru boleh menyusun jadual untuk pelajar menunaikan solat di surau sekolah atau pun guru mengajak pelajar bersama-sama solat berjemaah di surau sekolah.<sup>55</sup> Kajian oleh Fazidah Md Shukor<sup>56</sup> mendapati 93.5% responden bersetuju program dakwah yang diadakan di sekolah membantu meningkatkan penghayatan amalan Islam dan juga ibadat khusus. Kajian tersebut disokong oleh kajian Zakiah Hj Ariffin<sup>57</sup> yang mendapati pembudayaan suasana keagamaan di sekolah merupakan cara terbaik untuk pembersihan rohani dan pembentukan lahiriah yang berkesan kepada para pelajar.

<sup>54</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit.*, h. 116.

<sup>55</sup> *Ibid*, h. 118

<sup>56</sup> Fazidah Md Shukor (2004), “Penglibatan Guru Dan Keberkesanan Program Dakwah Di Sekolah” (Disertasi Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 60.

<sup>57</sup> Zakiah Hj Ariffin (2005), “Pembudayaan Iklim “Dini” Di Sebuah Sekolah Di Perak” (Sarjana Kepengetuaan, Universiti Malaya), h. 58.

Menurut Dr Hassan Langgulung,<sup>58</sup> terdapat langkah tertentu untuk menanamkan semangat keagamaan pada diri anak-anak, iaitu:

- a. Ibu bapa menjadi *role model* yang baik kepada anak-anak.
- b. Membiasakan anak-anak melakukan syiar-syiar Islam sejak kecil.
- c. Mewujudkan suasana atau iklim keagamaan dan spiritual yang sesuai di rumah.
- d. Membimbing dan membiasakan anak-anak membaca buku-buku agama.
- e. Menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti-aktiviti keagamaan.

Kesimpulannya, faktor-faktor yang dinyatakan di atas adalah saling lengkap melengkapi dan mempunyai peranan serta fungsinya masing-masing. Bagaimanapun dengan asas yang kukuh dan dibantu oleh persekitaran yang positif dapat memberi impak yang lebih berkesan dalam mewujudkan penghayatan ibadah khusus harian dalam diri anak-anak.

## **2.5 Hubungan Ibadah Dan Akhlak**

Hakikatnya, ibadah adalah sangat berkait rapat dengan akhlak. Keadaan ini dibuktikan daripada ibadah-ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan, kesedaran serta kefahaman yang tinggi sudah tentu dapat mendidik pelakunya membentuk peribadi yang memiliki akhlak terpuji.<sup>59</sup>

---

<sup>58</sup> Hassan Langgulung (1991), *op.cit.*, h. 372.

Ulama-ulama besar seperti Imam al-Ghazali dan Wali Allah al-Dahlawi seperti yang dipetik dari Dr Mohd. Kamal Hassan, telah menekankan betapa penghayatan ibadah merupakan satu cara membentuk akhlak mulia.<sup>60</sup> Oleh itu, seseorang yang mempunyai keteguhan akidah, serta tekun beribadah seharusnya mempunyai budi pekerti yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulannya sesama manusia. Ibadah bagi orang mukmin merupakan sebahagian daripada akhlak kerana daripada ibadah yang dilakukan, ia dianggap sebagai menyempurnakan hak Allah, tanda kesyukuran atas segala nikmat kurniaannya dan penghormatan kepada Zat yang paling berhak untuk menerima penghormatan dan kemuliaan.<sup>61</sup>

## B. IBADAH-IBADAH KHUSUS HARIAN

### 2.6 Ibadah Solat.

Maksud solat dari segi bahasa ialah doa.<sup>62</sup> Menurut Dr Wahbah al-Zuhayli,<sup>63</sup> solat dari segi bahasa boleh diertikan sebagai doa ke arah kebaikan. Dari segi istilah shara', fuqaha' mendefinisikannya sebagai beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat yang

---

<sup>59</sup> Uduh Mohsin (1986), *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.

<sup>60</sup> Mohd. Kamal Hassan (1988), *Pendidikan Dan Pembangunan: Satu Perpektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 61.

<sup>61</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *op.cit.*, h. 127.

<sup>62</sup> Abi Zakariyya Muhy al-Din b. Sharaf al-Nawawi (t.t), *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. Mesir: Matba'ah al-Imam, h. 3.

<sup>63</sup> Wahbah al-Zuhayli (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juz 1, cet. 3. Damshiq: Dar al-Fikr, h. 497.

tertentu.<sup>64</sup> Solat merupakan ibadah badaniah yang telah diwajibkan ke atas setiap muslim yang mukallaf menunaikannya lima kali dalam sehari semalam, dalam waktu-waktu yang ditentukan.<sup>65</sup> Ibadah solat dianggap tiang agama dan amalan yang mula-mula di hisab di akhirat. Dalam sejarah nabi-nabi , seruan menunaikan solat menjadi asas kepada seruan mereka.<sup>66</sup> Dr Mahmud Shaltut menyebut bahawa solat adalah ibadah paling tua yang seiring dengan lahirnya keimanan dan tidak ada satu syariat pun yang meninggalkan kewajipan solat.<sup>67</sup> Solat juga menjadi perantaraan untuk mengingatkan manusia kepada Tuhan mereka dalam kesibukan urusan-urusan dunia.<sup>68</sup>

Ibadah solat merupakan penentu penerimaan amalan ibadah. Jika solat seseorang diterima oleh Allah di akhirat kelak, amalan-amalan lain yang dilakukan ketika hidup di dunia akan diterima. Sebaliknya jika amalan solat di tolak, amalan-amalan lain juga akan ditolak. Ini membuktikan ibadah solat adalah pengukur kesempurnaan ibadah.<sup>69</sup> Rasulullah SAW bersabda:<sup>70</sup>

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ فَإِنْ صَلُحَتْ فَقَدْ  
أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

<sup>64</sup> T.M. Hasbi Ash Siddieqy (1996), *Pedoman Solat*. Selangor: Thinker's Library, h. 63.

<sup>65</sup> Mahmud Shaltut (1988), *Islam: Akidah dan Shariah*. (terj.), Siri 1. Kuala Lumpur: Pustaka al-Ameen, h. 113.

<sup>66</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *op.cit.*, h. 221-222.

<sup>67</sup> Mahmud Shaltut (1988), *op.cit.*, h. 125-126.

<sup>68</sup> Shaykh al-Mubarak (t.t), *op.cit.*, h. 376.

<sup>69</sup> Amran Kasimin (1993), *op.cit.*, h. 5.

<sup>70</sup> Abi 'Isa Muhammad b. 'Isa al-Tirmidhi (1978), *Sunan al-Tirmidhi wahuwa al-Jami' al-Sahih*, "Kitab al-Salah", no hadith 411. j. 1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 258.

Maksudnya: “*Perkara yang mula-mula sekali ditanya kepada hamba pada hari kiamat kelak ialah mengenai ibadah sembahyang. Jika sembahyang seseorang diterima, bererti diterimalah seluruh amalannya. Dan jika ditolak bererti dia termasuk golongan yang rugi*”

Memandangkan kedudukan ibadah solat yang begitu penting, maka solat fardu sama sekali tidak boleh diabaikan atau ditinggalkan dengan sewenang-wenangnya. Ulama sepakat berpendapat, mereka yang mengingkari kewajipan solat dihukumkan sebagai kafir. Bagaimanapun jika meninggalkannya disebabkan sifat malas tetapi masih mengakui kewajipannya, menurut Imam Malik dan Imam al-Shafi‘i orang tersebut hanya dianggap fasiq.<sup>71</sup>

Oleh yang demikian ibadah solat perlu dipelihara dan dihayati oleh setiap muslim. Pengabaianya akan menjelaskan kedudukannya sebagai muslim. Sabda Rasulullah SAW:<sup>72</sup>

لَيْسَ بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ الْكُفَّارِ إِلَّا تَرَكُ الصَّلَاةُ

Maksudnya: “*Yang membezakan seseorang dengan kekufuran ialah meninggalkan solat*”

Kewajipan ibadah solat ini jelas disebut dalam al-Quran. Antaranya firman Allah:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Surah al-Nisa’ (5): 103

<sup>71</sup> Muhammad b. ‘Ali b. Muhammad al-Shawkani (t.t), *Nayl al-Awtar*, j. 1. Mesir: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 240-241.

<sup>72</sup> Abi al-Husayn Muslim (1978), *op.cit.*, no hadith 463, h. 342.

Maksudnya: “Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya”<sup>73</sup>

Firman Allah lagi:

وَأَمْرُ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Surah Taha (16): 132

Maksudnya: “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya”<sup>74</sup>

Menurut Sayyid Qutub,<sup>75</sup> adalah menjadi tanggungjawab ketua keluarga untuk mempastikan ahli-ahli keluarga melaksanakan kewajipan kepada Allah terutamanya ibadah khusus yang wajib seperti solat lima waktu. Dengan cara ini hubungan mereka dengan Allah SWT akan sentiasa terjalin, seterusnya menghindarkan keluarga tersebut dari terjerumus ke dalam perkara-perkara yang mendatangkan dosa.

Dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW menyebut ibadah solat merupakan satu daripada lima asas agama Islam:<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> Shaykh Abdullah Basmehi (1980), *op.cit.*, h. 217.

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 801.

<sup>75</sup> Sayyid Qutub (1985), *op.cit.*, jil.4, juz. 12-18, h. 2357.

<sup>76</sup> Abi al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj (t.t), *al-Jami' al-Sahih*, j. 1, Beirut: Dar al-Fikr, h. 34.

بِنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ شَهَادَةٌ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
 وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ  
 الرِّزْكَةِ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Islam itu ditegakkan atas lima perkara, iaitu bersaksi tidak ada Tuhan lain melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad SAW itu adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa pada bulan Ramadan”

Sebagaimana ibadah yang lain, kewajipan solat juga mengandungi hikmat tertentu. Antara hikmat-hikmat solat ialah:

- i. Dapat membersihkan zahir dan batin. Ibadah solat mensyaratkan kepada setiap orang yang hendak menunaikan solat perlu bersih dari segi pakaian, badan dan tempat dari segala kekotoran agar solat dapat dilakukan dalam keadaan tenang dan khusyuk. Begitu juga dari segi batin perlu bersih agar solat dapat dilakukan dengan penuh keikhlasan.<sup>77</sup>
- ii. Merupakan tali penghubung yang menghubungkan hamba dengan pencipta-Nya. Iaitu dengan menjadikan seseorang muslim itu sentiasa mengingati Allah, merendah diri kepada-Nya dan sentiasa mengagungkan-Nya.<sup>78</sup> Firman Allah:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Surah Taha (16): 14

---

<sup>77</sup> Yusuf al-Qardawi, (1995), *op.cit.*, h. 228-230.

<sup>78</sup> Ash Shiddieqy (1996), *op.cit.*, h. 558.

Maksudnya: “*Dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku*”<sup>79</sup>

Justeru itu, seseorang yang lalai dan lengah di dalam solatnya, tidak boleh dikatakan mendirikan solat semata-mata untuk mengingati Allah.

iii. Menjadi penghalang untuk mengerjakan kemungkaran dan keburukan.

Menurut Abdul Rashid Ahmad,<sup>80</sup> solat yang dilakukan dengan penuh keyakinan hati, kerelaan perasaan dan kesedaran akal dapat mendorong jiwa kepada kebaikan dan benci kepada kejahanatan.

iv. Mendidik dan melatih menjadi orang yang tenang apabila menghadapi sebarang ujian dalam hidup.<sup>81</sup> Ini bermakna amalan solat yang sempurna dan diterima oleh Allah, boleh menghindarkan tabiat semulajadi keluh kesah manusia. Firman Allah:

﴿ إِنَّ الْإِنْسَنَ حُلُوقًا إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جُزُوعًا  
وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنْوَعًا إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴾

Surah al-Ma’arij (29): 19-22

Maksudnya: “Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah. Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut, kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang”<sup>82</sup>

<sup>79</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 774.

<sup>80</sup> Abdul Rashid Ahmad (1995), “Aspek-Aspek Pendidikan Dalam Solat”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Mei 1995, h. 166.

<sup>81</sup> Ash Shiddieqy (1996), *op.cit.*, h. 558.

<sup>82</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1565.

Di samping melaksanakan kewajipan solat fardu, muslim juga digalakkan melakukan solat-solat sunat. Menurut ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan,<sup>83</sup> antara kepentingan ibadah-ibadah sunat adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah, meningkatkan ketakwaan, melahirkan ketenteraman dan kemanisan iman. Dalam hal ini juga, Imam Nawawi<sup>84</sup> menyebut bahawa ibadah-ibadah sunat dilakukan adalah sebagai tanda ketaatan kepada Allah.

## 2.7 Ibadah Puasa.

Maksud puasa dari segi bahasa ialah menahan diri.<sup>85</sup> Dari segi istilah pula ialah menahan diri dari perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenamnya matahari<sup>86</sup> dan disertai dengan niat. Menurut Shekh al-Mubarak,<sup>87</sup> puasa merupakan satu bentuk kepatuhan kepada perintah-perintah Allah dan menahan diri dari berterusan memenuhi keinginan jasad yang halal dalam keadaan biasa. Puasa juga merupakan suatu perubahan sementara dari adat-adat kebiasaan yang dilakukan oleh seseorang dan memasuki cara hidup berlapar dahaga bertujuan untuk melatih dan mengasuh jiwa.

Sama seperti ibadah solat, puasa juga mempunyai hikmat-hikmatnya yang tertentu. Antaranya:<sup>88</sup>

<sup>83</sup> ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1989), *op.cit.*, h. 402.

<sup>84</sup> Abi Zakariyya Muhy Al-Din b. Sharaf al-Nawawi (t.t), *op.cit.*, h. 496.

<sup>85</sup> Ahmad b. Muhammad b. Qudamah (1981), *al-Mughni*, juz. 3. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah, h. 85.

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 86.

<sup>87</sup> Shaykh Muhammad al-Mubarak (t.t), *op.cit.*, h. 381.

<sup>88</sup> T.M.Hasby Ash Shiddieqy (1985), *op.cit.*, h. 237-238.

- i. Untuk menundukkan tabiat yang tidak baik (*bahimiyyah*) kepada tabiat yang baik (*malakiyyah*). Ibadah puasa dapat melemahkan dan menghilangkan sebab-sebab yang menimbulkan kekuatan kepada tabiat atau sifat tidak baik itu. Seperti terlalu bermewah dari segi makan minum kerana memuaskan syahwat sehingga timbul pembaziran.
- ii. Membiasakan diri bersifat sabar dan menahan kesukaran. Tempoh waktu berpuasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari itu pada hakikatnya bertujuan mendidik dan membiasakan manusia supaya bersabar menahan keinginan nafsu untuk melakukan perkara-perkara yang waktu kebiasaan adalah halal dilakukan. Oleh itu hanya mereka yang benar-benar ikhlas dan memahami hakikat sebenar ibadah puasa dapat melaluinya dengan sabar dan mudah.
- iii. Menimbulkan perasaan belas kasihan kepada golongan susah dan miskin. Ibadah puasa secara tidak langsung dapat memberi latihan secara amali kepada golongan kaya untuk merasa sendiri penderitaan golongan miskin yang tidak mempunyai makanan untuk dimakan. Menurut Nik Mustapha Nik Hassan<sup>89</sup> merasai kesusahan golongan miskin tidak dapat dicapai melalui perbincangan ilmiah bahkan ia perlu dilalui secara praktikal.

---

<sup>89</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (1994), “Islam dan Ibadat Puasa”, dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et al.* (ed.), *Islam dan Kemajuan Masyarakat*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 81.

## 2.8 Membaca al-Quran.

Membaca al-Quran merupakan satu ibadah sunat yang dituntut mengamalkannya. Dalam al-Quran sendiri terdapat ayat yang menyuruh agar mengamalkan membaca al-Quran. Firman Allah SWT:

فَاقْرِءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْءَانِ

Surah al-Muzzamil(29): 20

Maksudnya: “*Oleh itu bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari al-Quran (dalam sembahyang)*”<sup>90</sup>

Menurut Shaykh al-Mubarak,<sup>91</sup> membaca al-Quran dapat mengingatkan seseorang kepada Allah dan tanda-tanda keagungan-Nya, sifat-sifat-Nya serta kurniaan-Nya. Selain itu membaca al-Quran juga dapat menjadi ubat dan penawar kepada hati (jiwa). Allah SWT berfirman:

وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Surah al-Isra'(15): 82

Maksudnya: “*Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepada-Nya*”<sup>92</sup>

Kandungan al-Quran penuh dengan penawar untuk mengubati hati dan jiwa yang sakit. Oleh itu mereka yang berpegang teguh dengannya, pasti akan

<sup>90</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 1587-1588.

<sup>91</sup> Shaykh Muhammad al-Mubarak (t.t), *op.cit.*, h. 364.

<sup>92</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 701.

memperolehi petunjuk dan yang mengamalkan kandungannya pasti akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.<sup>93</sup> Sayyid Qutub<sup>94</sup> dalam tafsirannya tentang ayat di atas menjelaskan bahawa al-Quran dapat menjadi penawar untuk menyembuhkan penyakit-penyakit hati seperti was-was, gelisah, terlalu menurutkan nafsu, tamak dan dengki. Hasilnya akan lahir individu yang memiliki hati yang tenang dan aman damai. Menurutnya lagi sifat *shifa'* yang dimiliki oleh al-Quran merupakan satu rahmat kurniaan Allah SWT kepada golongan yang beriman.

Suruhan membaca al-Quran ini bukanlah sekadar membaca ayat-ayat sahaja, tetapi yang lebih penting ialah membaca dengan fahaman, renungan dan fikiran terhadap ayat-ayatnya.<sup>95</sup> Ini kerana dengan cara begini, barulah ayat-ayat al-Quran itu dapat dan mampu untuk menjadi penawar (*shifa'*) serta membawa rahmat kepada orang-orang yang beriman.

## 2.9 Berzikir.

Menurut ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan,<sup>96</sup> zikir itu ialah mengingatkan diri tentang keagungan Allah dalam setiap perkara yang berkait rapat dengan diri seseorang mukmin, sama ada ingatan itu di dalam hati atau melalui lisan atau

---

<sup>93</sup> Imam al-Ghazali (1996), *Kemanisan Beribadah*. Kasmuri Selamat (terj.). Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h. 141.

<sup>94</sup> Sayyid Qutub (1985), *op.cit.*,h. 2248.

<sup>95</sup> Shaykh Muhammad al-Mubarak (t.t), *op.cit.*, h. 366.

<sup>96</sup> ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1989), *op.cit.*, jil.2, h. 389.

dalam bentuk perbuatan atau dalam keadaan berdiri, duduk, baring, berjalan atau pun ketika sedang bekerja.

Berzikir merupakan satu bentuk ibadah yang tidak terikat dengan masa atau tempat atau keadaan atau pergerakan yang tertentu.<sup>97</sup> Ia mudah dilakukan pada bila-bila masa, sama ada dilakukan di dalam hati atau dengan lidah atau dengan kedua-duanya sekali.<sup>98</sup>

Berzikir mempunyai banyak kelebihan. Antaranya dapat memberikan ketenangan kepada jiwa.<sup>99</sup> Perkara ini jelas dinyatakan dalam firman Allah:

وَتَطْمِئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمِئِنُ الْقُلُوبُ

Surah al-Ra'd(13): 28

Maksudnya: “*Dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah! dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia*”<sup>100</sup>

Menurut Hamka<sup>101</sup>, ketenteraman yang wujud kesan daripada mengingati Allah telah berjaya menghilangkan penyakit-penyakit hati seperti gelisah, putus asa, takut, was-wass dan dukacita. Memiliki ketenteraman hati adalah penting

<sup>97</sup> Imam Habib 'Abd Allah Haddad (1981), *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*. Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 222.

<sup>98</sup> Shaykh Muhammad al-Mubarak (t.t), *op.cit.*, h. 363-364.

<sup>99</sup> Haron Din *et al*, (2002), *Manusia dan Islam*, Jil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 217.

<sup>100</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 585-586.

<sup>101</sup> Hamka (1990), *op.cit.*, jil. 5, h. 3761.

kerana ia merupakan asas kepada kesihatan rohani dan jasmani. Sedangkan keraguan dan kegelisahan itu merupakan punca segala penyakit.

Selain itu, amalan berzikir juga dapat menghidupkan dan membersihkan hati. Malah zikir juga dianggap makanan asasi bagi hati. Ibnu Taimiyah<sup>102</sup> seperti yang dipetik dari Syed Abdurrahman Syed Hussin telah mengungkapkan betapa besar peranan zikir kepada hati dengan katanya “ Zikir bagi hati umpama air bagi ikan. Oleh itu bagaimana keadaan ikan apabila berpisah daripada air ? Ungkapan ini jelas menggambarkan betapa erat dan pentingnya peranan zikir ke atas jiwa seseorang manusia.

Justeru itu alangkah ruginya mereka yang tidak mengingati Allah. Baginda SAW sendiri pernah bersabda bahawa orang yang tidak mengingati Allah itu umpama orang yang telah mati kehidupannya. Sabda baginda:<sup>103</sup>

مَثَلُ الَّذِي يَذْكُرُ رَبَّهُ وَالَّذِي لَا يَذْكُرُ  
مَثَلُ الْحَيٍّ وَالْمَيِّتِ

Maksudnya: “Perumpamaan orang yang mengingati Allah dan orang yang tiada mengingatinya adalah umpama orang yang hidup dengan orang yang mati”

<sup>102</sup> Syed Abdurrahman Syed Hussin (1998), “Kepentingan Zikir Dalam Mendidik Rohani dan Jasmani Pendakwah”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 8, Disember 1998, h. 136.

<sup>103</sup> Abi ‘Abd Allah Muhammad b. Isma‘il al-Bukhari (t.t.) *Sahih al-Bukhari*, “Kitab al-Da‘awat”, no hadith 98. j. 8. Beirut: Dar al-Thaqafiyah, h. 155.

Zikir secara lisan, boleh dilakukan dalam pelbagai jenis lafaz seperti lafaz “*Subhana Allah*”, “*al-hamdulillah*”, “*Lailaha illa Allah*” dan “*Allahu Akbar*”. Memandangkan Islam begitu menitikberatkan amalan zikir kepada Allah, maka ibadah solat lima waktu yang diwajibkan ke atas setiap Muslim itu mengandungi berbagai jenis zikir untuk memberi ruang kepada Muslim membersihkan diri dan rohaninya serta sentiasa berhubungan dengan Allah SWT dalam setiap detik kehidupannya di dunia.<sup>104</sup>

## 2.10 Berdoa.

Berdoa ialah seseorang itu berbicara dengan Allah SWT dan memohon sesuatu daripada-Nya sama ada yang mengenai hajat-hajatnya di dunia atau pun di akhirat.<sup>105</sup> Berdoa merupakan satu bentuk ibadah yang dituntut melakukannya. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:<sup>106</sup>

الدُّعَاءُ مُنْخَلِّعٌ عَبَادَةً

Maksudnya: “*Doa itu adalah otak ibadah*”

Berdoa mempunyai syarat dan adab tertentu yang perlu diikuti. Antara adab berdoa ialah berusaha bersungguh-sungguh terlebih dahulu kerana dengan

---

<sup>104</sup> Haron Din *et al.* (2002), *op.cit.*, h. 220.

<sup>105</sup> *Ibid.*, h. 367.

<sup>106</sup> Abi ‘Isa Muhammad b. ‘Isa (1975), *Sunan al-Tirmidhi*, “*Kitab al-Da‘awat*”, no hadith 3371, j. 5, c. 2. Mesir: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, h. 456.

meninggalkan usaha dan bergantung kepada doa semata-mata adalah menyalahi sunnah Rasulullah SAW<sup>107</sup>

Amalan berdoa perlu dihayati dan dijadikan amalan harian di kalangan muslim kerana melaluinya akan timbul rasa kehambaan dan sifat merendah diri dengan menyedari manusia ini adalah makhluk yang lemah dan sangat bergantung kepada sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* Allah *Rabb al-Jalil*. Seterusnya dengan menghayati amalan berdoa juga dapat menghilangkan sifat sombang dan bongkak dalam kalangan Muslim. Allah SWT berfirman:

أَدْعُوكُمْ تَضْرُبُّا وَخُفْيَةً  


Surah al-A'raf(8): 55

Maksudnya: “*Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan*”<sup>108</sup>

Menurut Hamka,<sup>109</sup> sifat merendah diri ketika berdoa dapat melahirkan kesedaran bahawa keupayaan manusia amat terbatas, oleh itu amat mengharapkan belas kasihan daripada Allah SWT. Perintah agar merendah diri dan menuturkannya dengan suara yang lembut<sup>110</sup> semasa berdoa juga dapat melahirkan kekhusukan serta meningkatkan keyakinan terhadap keesaan Allah SWT dan kekuasaan-Nya mentadbir alam maya ini.<sup>111</sup>

<sup>107</sup> Haron Din *et al.* (2002), *op.cit.*, h. 368.

<sup>108</sup> Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *op.cit.*, h. 356.

<sup>109</sup> Hamka (1990), *op.cit.*, jil. 4, h. 2398-2399.

<sup>110</sup> Maksud lembut ialah tidak meninggikan suara atau terburu-buru.

<sup>111</sup> Abi al-Fida' Isma'il b. Kathir (1983), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, jil.2. Beirut: Dar al-Mufid, h. 205.

## **2.11 KESIMPULAN**

Ibadah merupakan satu bentuk pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT kerana segala urusan dunia dan akhirat adalah bersumberkan petunjuk dan ajaran-Nya semata-mata. Ibadah juga berfungsi menjalinkan hubungan berterusan antara manusia dengan Allah dalam segala perkara.

Ibadah-ibadah khusus harian sama ada yang wajib seperti solat atau ibadah sunat seperti membaca al-Quran, berzikir dan berdoa perlu dilakukan dengan sempurna dan ikhlas serta berterusan kerana amalan-amalan inilah yang menjadi pengikat dan perantaraan antara makhluk dengan pencipta-Nya. Allah SWT juga telah menjanjikan berbagai kelebihan dan keuntungan yang dapat diperolehi dengan melakukan ibadah khusus harian itu kepada individu yang melakukannya. Malah kebaikan dan keberkatan daripada ibadah tersebut juga akan dapat dirasai oleh makhluk Allah lain, yang turut mendiami bumi ini.

Mengamalkan ibadah sahaja tidak memadai. Ia perlu diiringi dengan penghayatan kerana daripada penghayatan ia dapat melahirkan satu perasaan yang begitu mendalam meresap di dalam hati untuk mengakui kebesaran dan keagungan Allah SWT serta mengakui kelemahan dan keterbatasan diri. Kesan daripada penghayatan itu sesuatu ibadah yang dilakukan dapat mencapai martabat ihsan dan seterusnya akan memberi impak yang besar kepada kehidupan seseorang muslim sama ada di segi rohani mahu pun jasmani.

Penghayatan dalam ibadah dapat dilahirkan melalui faktor-faktor tertentu.

Antaranya melalui pendidikan, contoh tauladan dan persekitaran. Justeru itu penghayatan dalam ibadah amat perlu diterapkan di kalangan generasi muda Islam kerana dengan adanya penghayatan, anak-anak muda ini akan sentiasa memelihara hubungan mereka dengan Allah, malah tidak akan mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang sentiasa mahu memesongkan dan menjauhkan mereka daripada kehidupan beragama.

Memandangkan kewajipan beribadah kepada manusia jelas dinyatakan di dalam al-Quran dan hadith, di samping akal manusia sendiri secara fitrah telah menerima dan mengakui kerasionalan beribadah ini, maka tidak ada alasan bagi manusia untuk mengabaikan kewajipan beribadah. Oleh yang demikian, manusia yang telah menyatakan dirinya sebagai muslim adalah dituntut untuk sentiasa melaksanakan ibadah sebagai tanda ketakutan dan keikhlasan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Tanpa ketakutan dan keikhlasan beribadah, bererti pengakuannya sebagai seorang Muslim diragui dan dipersoalkan. Malah kehidupannya di dunia juga tidak akan memberi sebarang erti. Sehubungan itu, menurut Dr Yusuf al-Qardawi,<sup>112</sup> seseorang mukmin itu memperolehi kedudukan yang mulia adalah disebabkan ia menyembah dan beribadah kepada Allah SWT.

---

<sup>112</sup> Yusuf al-Qardawi (1995), *op.cit.*, h. 129.

